

# Keputusan SPM 2017 meningkat

Sinar HARIAN

Sinar HARIAN

16/03/2018

MIS 2

Foto: BERNAMA

**Peningkatan GPN  
sebanyak 0.15  
berbanding tahun  
2016**

W SAIDATUL NAJEMUDIN

PUTRAJAYA

Keputusan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) 2017 terus menunjukkan peningkatan dengan Gred Purata Nasional (GPN) 4.90, iaitu tertinggi sejak soalan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) diperkenalkan empat tahun lalu.

Ketua Pengarah Pelajaran, Datuk Dr Amin Senin berkata, keputusan SPM 2017 menunjukkan pencapaian lebih baik dengan peningkatan GPN sebanyak 0.15 berbanding 2016.

Secara keseluruhan, 66 peratus calon SPM 2017 menguasai KBAT iaitu 27 peratus menguasai pada tahap tinggi, 39 peratus tahap sederhana, manakala 34 peratus pada tahap rendah.

Menurutnya, calon menguasai kemahiran aplikasi pada tahap tinggi berbanding kemahiran menganalisis, menilai dan mencipta yang di tahap sederhana.

"Kesimpulannya, keputusan SPM 2017 menunjukkan peningkatan pencapaian keseluruhan calon. Analisis ini menunjukkan KPM sentiasa memastikan kesamarataan peluang dan akses pendidikan berkualiti kepada semua calon di se-



Amin ketika sidang media sempena Pengumuman Analisis Keputusan SPM Tahun 2017.



Pelajar terbaik SPM 2017, Muhammad Syafiq Irfan Sajali dari Sekolah Sultan Alam Shah dijunjung rakan-rakannya.

info

● 443,883 calon berdaftar bagi menduduki SPM 2017

● Melibatkan 3,363 pusat

● Menjalani peperiksaan pada 6 November hingga 4 Disember tahun lalu.

luruh negara," katanya.

Beliau berkata ketika Majlis Pengumuman Analisis Keputusan SPM 2017 di Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), di Putrajaya, di sini, semalam.

Seramai 443,883 calon berdaftar bagi menduduki peperiksaan SPM 2017 melibatkan 3,363 pusat men-

jalani peperiksaan pada 6 November hingga 4 Disember tahun lalu.

Daripada jumlah itu, seramai 415,008 calon menduduki sekurang-kurangnya enam mata pelajaran teras pertama kali dan 85.2 peratus calon layak dianugerahkan sijil iaitu 90.2 peratus calon di bawah KPM, manakala selebihnya calon selain KPM.

Bagi calon berkeperluan khas (CBK), sebanyak 62.5 peratus calon layak dianugerahkan SPM daripada 994 calon CBK yang menduduki peperiksaan tersebut.

Lima mata pelajaran teras turut menunjukkan peningkatan prestasi iaitu Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris, Pendidikan Islam, Sejarah dan Matematik dengan Bahasa Melayu menunjukkan peningkatan tertinggi dengan Gred Purata Mata Pelajaran (GPMP) sebanyak 0.46.

Sebanyak 43 daripada 66 mata pelajaran elektif menunjukkan peningkatan prestasi termasuk Fizik, Kimia dan Sains Tambahan yang menunjukkan prestasi tertinggi iaitu 0.36.

"Kesemua mata pelajaran elektif agama menunjukkan peningkatan prestasi dalam SPM tahun 2017 berbanding tahun 2016. Mata pelajaran Tasawwur Islam mencatat peningkatan tertinggi iaitu 0.43.

"Dalam bidang elektif teknikal pula, mata pelajaran Ekonomi Rumah Tangga menunjukkan peningkatan prestasi tertinggi sebanyak 0.34 manakala mata pelajaran Pengajian Kejuruteraan Awam menunjukkan penurunan tertinggi iaitu sebanyak 0.29 dan Pendidikan Moral menurun sebanyak 0.11," katanya.

Beliau menyifatkan peningkatan calon luar bandar setara peningkat-

an pencapaian calon di bandar pada SPM 2017.

Kedua-duanya menunjukkan peningkatan dengan pencapaian calon bandar 4.75 berbanding sebelumnya 4.89, manakala luar bandar memperoleh sebanyak 5.22 berbanding 5.36 pada 2016.

"Perbezaan pencapaian antara calon di bandar dan di luar bandar kekal 0.47 pada tahun 2017, sama seperti pada tahun 2016," katanya.

Sementara itu, seramai 54.9 peratus calon berjaya memperoleh sijil G-CEO bagi mata pelajaran Bahasa Inggeris, manakala 56.2 peratus daripada 75,467 calon Prinsip Perakaunan layak memperoleh Sijil LCCI Level 2 Book Keeping and Account melalui kerjasama Lembaga Peperiksaan dengan Pearson, United Kingdom.